

KESEDIAAN UNTUK MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTERA TINGKATAN EMPAT DI TIGA BUAH SEKOLAH SEKITAR SKUDAI, JOHOR

Yusof Bin Boon & Sapiah Binti Bohari
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian secara deskriptif ini adalah untuk mengetahui tahap kesediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor Bahru. Sekolah-sekolah yang dilibatkan dalam kajian ini adalah SMK Taman Universiti, SMK Taman Universiti 2 dan SMK Taman Mutiara Rini, Skudai, Joor Bahru. Perkara-perkara yang dikaji ialah minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan, persepsi, minat terhadap bidang keusahawanan, dorongan ibu bapa, dan perbandingan berkaitan ke empatempat persoalan kajian dengan jantina. Sebanyak 214 orang responden yang mewakili keseluruhan populasi terlibat dalam penyelidikan ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang mengandungi 34 item berdasarkan kepada skop kajian. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A, melibatkan latar belakang responden dan Bahagian B yang melibatkan jawapan responden terhadap aspek yang dikaji. Kebolehpercayaan soal selidik telah diuji dalam kajian rintis, dan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.893. Analisis kajian dibuat berdasarkan kekerapan, peratusan dan min. Data diproses menggunakan perisian SPSS (Statistical Packages For Social Sciences) versi 13.0. Hasil kajian menunjukkan responden memberikan jawapan yang negatif terhadap tiga daripada empat persoalan kajian yang dikaji dengan nilai tahap yang rendah. Faktor minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan, dan factor dorongan ibu bapa menunjukkan tahap yang paling rendah (nilai min 2.12 masing-masing) diikuti faktor minat terhadap bidang keusahawanan (nilai min 2.14). Hanya faktor persepsi terhadap bidang keusahawanan menunjukkan pada tahap sederhana (nilai min 2.65). Dapatan kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar bumiputera mengikut jantina, iaitu pelajar perempuan didapati mempunyai kesediaan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki untuk menceburi bidang keusahawanan.

Abstract: This descriptive research is aimed at determining the level of readiness to join the entrepreneur field. Form Four bumiputera students from three schools around Skudai, Johor were taken as samples. The schools involved were SMK Taman Universiti, SMK Taman Universiti 2 and SMK Taman Mutiara Rini, Skudai Johor. Aspects researched were interest in commerce and entrepreneur subjects, perception, interest in entrepreneurship, parental guidance and comparison of the results obtained based on gender. 214 respondents comprising of the population were involved in this research. Research instrument used was a set of questionnaire with 34 items based on the research scope. The questionnaire was divided into two parts, Part A, involving respondents' background and Part B, involving respondents' answers to the research aspects. The questionnaire's reliability were tested on the initial research and an Alpha Cronbach value of 0.893 was achieved. Research analysis were based on frequency, percentage and min. Data was processed using SPSS (Statistical Packages for Social Sciences) version 13.0. Research results showed the respondents gave negative answers to three out of the four research aspects with a low overall score. Interest in commerce and entrepreneur subjects and parental guidance as factors showed the lowest (mean value 2.12 representative) followed by interest in entrepreneur field factor (mean value 2.14). The only factor that achieved a medium score was perception towards entrepreneur field (mean value 2.65). Survey results also showed a significant difference between the genders where the readiness to join the entrepreneur field of female students were higher compared to their male counterparts.

Katakunci: bidang keusahawanan, pelajar bumiputera

Pengenalan

Pembentukan usahawan perlu bermula dari peringkat rendah lagi iaitu di peringkat sekolah. Pada peringkat ini, pelajar perlu didedahkan dengan ilmu keusahawanan dan penerapan nilai-nilai dan ciri-ciri seorang usahawan supaya timbul kesedaran dan minat untuk menceburi bidang keusahawanan. Bertepatan dengan ini, Kementerian Pelajaran telah pun mengorak langkah awal dengan memperkenalkan tajuk perdagangan dan keusahawanan di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (teras dan elektif) bermula dari tingkatan satu hingga ke tingkatan tiga lagi. Pelajar pada umumnya telah diajar secara teori mengenai bidang keusahawanan melalui mata pelajaran ini, namun, mata pelajaran ini kebanyakannya hanya diajar di dalam situasi bilik darjah sahaja dan memerlukan pnaakulan dan kognitif yang tinggi dan stabil di kalangan pelajar, sekaligus menuntut kreativiti guru untuk memantapkan lagi penerimaan pelajar terhadap bidang keusahawanan. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989)

Pernyataan Masalah

Bidang keusahawanan begitu sinonim dengan kaum berbangsa Cina. Sebut sahaja soal perniagaan, kebanyakan daripada kita akan mengaitkannya dengan kaum Cina. Persoalan yang wujud adalah tidak adakah golongan bumiputera yang berjaya di dalam bidang keusahawanan? Selari dengan persoalan ini, pengkaji merasakan terpenggil untuk mengenalpasti kesediaan pelajar-pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor yang mengambil mata pelajaran Perdagangan, dalam hala tuju menceburi bidang perniagaan dan seterusnya menjadi seorang usahawan sekaligus dapat menempis tanggapan bahawa bidang perniagaan hanya diceburi dengan jayanya oleh kaum Cina sahaja.

Perkara-perkara yang ingin dikaji adalah meliputi dari aspek tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan, tahap persepsi pelajar terhadap bidang keusahawanan, tahap minat pelajar terhadap bidang keusahawanan, tahap dorongan ibu bapa kepada pelajar untuk meminati bidang keusahawanan, perbezaan tahap minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina, perbezaan persepsi terhadap bidang keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina, perbezaan minat terhadap bidang keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina dan tahap dorongan ibu bapa kepada pelajar untuk meminati bidang keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina. Persoalan ini dirasakan perlu dicari jalan penyelesaian bagi menambah bilangan usahawan bumiputera di Malaysia khususnya di samping menambah baik ekonomi kaum bumiputera amnya.

Objektif Kajian

Antara objektif kajian adalah :

- i. Menenalpasti tahap minat pelajar bumiputera terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan.
- ii. Menenalpasti tahap persepsi pelajar bumiputera tentang bidang keusahawanan.
- iii. Menenalpasti tahap minat pelajar bumiputera terhadap bidang keusahawanan.
- iv. Menenalpasti tahap dorongan ibubapa kepada pelajar untuk meminati bidang keusahawanan.
- iv. Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan berkaitan minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina.
- v. Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan berkaitan persepsi terhadap bidang keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina.
- vi. Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan berkaitan minat terhadap bidang keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina.
- vii. Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan berkaitan dorongan ibu bapa kepada pelajar untuk meminati bidang keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting dijalankan untuk meninjau kesediaan pelajar bumiputera tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Perdagangan di sekolah menengah harian biasa untuk menceburi bidang keusahawanan. Hasil kajian ini diharapkan boleh membantu dan memberi manfaat kepada pelbagai pihak seperti :

- i. Memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan mereka mendapat pendedahan dan latihan awal keusahawanan semasa usia masih muda, di samping mengenalpasti bakat yang ada serta merangsang kemahiran dan perubahan sikap dalam hal keusahawanan dan perniagaan sendiri.
- ii. Memberi kesedaran kepada ibu bapa pelajar tentang betapa pentingnya peranan dan keprihatinan mereka terhadap potensi dan kesediaan anak-anak mereka untuk menceburi bidang keusahawanan. Semoga mereka akan dapat mendukung usaha kerajaan untuk melahirkan usahawan pelapis seiring dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara industri menjelang tahun 2020.
- iii. Membantu guru untuk membentuk dan menjelaskan potensi dan kesediaan pelajar dalam bidang keusahawanan dalam usaha untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan mengamalkan nilai-nilai keusahawanan yang baik. Mereka perlu memotivasikan pelajar agar mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang positif.
- iv. Sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat dalam bidang keusahawanan untuk meneruskan kajian dalam bidang yang sama atau bidang yang hampir sama iaitu menjurus kepada bidang keusahawanan.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah mengikut had atau batasan tertentu. Lokasi kajian adalah kepada kepada pelajar-pelajar bumiputera tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Perdagangan di tiga buah sekolah sekitar Skudai iaitu SMK Taman Mutiara Rini, SMK Taman Universiti 2, dan SMK Taman Universiti , Skudai, Johor.

Dalam kajian ini, batasan kajian adalah mengikut persoalan kajian yang menjadi aspek-aspek teras dalam menentukan kesediaan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

Skop kajian tentang keusahawanan adalah terlalu luas, namun kajian yang dijalankan hanya menumpukan kepada aspek-aspek mengenai tahap minat pelajar bumiputera terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan, tahap persepsi pelajar bumiputera berkaitan bidang keusahawanan, tahap minat pelajar bumiputera terhadap bidang keusahawanan, tahap dorongan ibu bapa kepada pelajar untuk meminati bidang keusahawanan, dan perbezaan dari segi minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina, persepsi terhadap bidang keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina, minat terhadap bidang keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina dan dorongan ibu bapa kepada pelajar untuk meminati bidang keusahawanan antara pelajar bumiputera mengikut jantina.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objektif yang mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama di antara individu dengan individu lain (Mohd Najib, 1999).

Pernyataan ini juga dipersetujui oleh Fraenkel (1990), bahawa populasi mengkehendaki penyelidik membuat kesimpulan yang menyeluruh terhadap sekumpulan individu yang mempunyai sifat atau ciri-ciri khusus yang sama. Tujuan penyelidikan dijalankan adalah bagi mencari penyelesaian yang seterusnya dapat diaplikasikan secara keseluruhan. Pengkaji membuat pemilihan sampel sebagai populasi dalam membuat kajian. Penglibatan responden membolehkan penyelidikan dilakukan berdasarkan pengamatan yang teliti terhadap populasi .

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar bumiputera tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Perdagangan di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor. Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan keseluruhan populasi sebagai sampel. Menurut Mohd Najib (1999) menyatakan jika sesuatu kajian menggunakan keseluruhan ahli sebagai sampel, penyelidikan tersebut adalah merupakan sebuah kajian kes. Responden yang terlibat adalah terdiri daripada 86 orang pelajar dari SMK Taman Universiti, 85 orang pelajar dari SMK Taman Universiti 2 dan bakinya iaitu 43 orang dari SMK Taman Mutiara Rini, Skudai, Johor. Jumlah keseluruhan responden adalah sebanyak 214 orang.

Menurut Mohd Najib (1998), lebih besar saiz sampel maka lebih mantap kajian kerana dapat mengurangkan kesilapan keputusan. Saiz sampel yang besar dapat menentukan kesahan dan kebolehppercayaan skor yang tinggi dan seterusnya keputusan penyelesaian masalah yang dibuat adalah lebih tepat..

Pemilihan sampel yang sesuai dengan permasalahan kajian amatlah penting kerana ia merupakan salah satu faktor yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu penyelidikan.

Pemilihan sampel pelajar tingkatan empat dibuat adalah kerana mereka tidak terlibat dengan peperiksaan umum. Ini ditambah lagi, pelajar terbabit telah mempelajari mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga yang mana di dalamnya terdapat komponen perdagangan dan keusahawanan. Ini selari dengan matlamat kajian yang cuba meninjau tentang kesediaan pelajar bumiputera untuk menceburi bidang keusahawanan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji dengan tujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi item-item butiran tertutup. Item butiran tertutup adalah soalan yang telah difokuskan jawapannya. Responden hanya perlu menandakan jawapan yang difikirkannya sesuai. Ini akan memudahkan responden menjawab dengan mudah dan dapat menjawabnya dengan cepat.

Data adalah bersifat kuantitatif. Data yang bersifat kuantitatif adalah data yang berdasarkan kategori kuantiti termasuk menggunakan skor, kekerapan, dan min.

Menurut Sulaiman (1996), soal selidik merupakan cara paling mudah untuk memperolehi maklumat. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Dalam membina soal selidik dan menjamin kebolehpercayaannya, penyelidik telah mengambil langkah-langkah tertentu iaitu dengan membuat pengesanan melalui sorotan kajian, menyediakan senarai semak, mendapatkan pengesahan dari penyelia, merekabentuk instrumen, membuat ujian rintis dan ujian kebolehppercayaan.

Selepas membuat pengesanan, penentuan reka bentuk dibuat. Pada peringkat ini format kandungan dan bahasa dikenal pasti untuk menghasilkan soal selidik bagi kajian ini. Maklum balas dari penyelia digunakan untuk merekabentuk instrumen kajian ini.

Pembinaan Soal Selidik

Soal selidik yang dibina dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merupakan maklumat berkaitan latar belakang responden. Sebanyak 6 item soalan telah dikemukakan pada bahagian ini. Bahagian B adalah merupakan item-item berkaitan persoalan kajian yang hendak dikaji. Sebanyak empat persoalan kajian telah dikemukakan pada bahagian ini. Pengkaji telah menggunakan Skala Likert lima pemeringkatan untuk mengukur jawapan responden. Responden dikehendaki membuat satu pilihan yang sesuai bagi setiap pernyataan yang dikemukakan.

Menurut Mohd Najib (1997), Skala Likert digunakan di mana responden atau pelajar dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu kepada sistem yang lain.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai, Pulai, Johor yang bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Sebanyak 20 orang responden yang terdiri daripada pelajar bumiputera tingkatan empat telah dipilih untuk menjawab item-item soal selidik. Populasi ini dipilih kerana ia berdekatan dengan populasi sebenar dan terdiri daripada mereka yang tidak dilibatkan sebagai responden dalam kajian sebenar serta mempunyai persamaan ciri-ciri bagi populasi sebenar.

Menurut Abu Hasan dalam Rohana (2000), bagi tujuan kajian rintis, bilangan responden yang tidak melebihi 20 orang adalah dianggap sesuai untuk penyelidikan yang melibatkan soal selidik.

Dengan melakukan ujian rintis, penyelidik akan dapat mengenalpasti kelemahan jika ada dalam instrumen kajian. Oleh itu penyelidik berpeluang untuk membuat beberapa perubahan jika perlu bagi mempertingkatkan lagi mutu instrumen kajian.

Menurut Best dan Khan (1998), soal selidik yang dibina perlu diuji bagi menentukan kualiti dan mencapai objektif penyelidikan yang dijalankan. Pernyataan ini dipersetujui oleh Yusri (2000), bahawa kajian rintis dilakukan bagi menentukan aras signifikan item soalan yang dibina sesuai dan diterima. Menurut Yap, *et. al* (1989), kebolehpercayaan mementingkan ketekalan, ketepatan, atau kejituan ukuran yang dibuat. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang sama dan hampir sama.

Dapatan kajian rintis telah dianalisis mengikut bahagian. Analisis data bagi Bahagian A dibuat secara kuantitatif mengikut kekerapan dan peratusan. Manakala pada Bahagian B pula, data dianalisis secara kuantitatif menggunakan kekerapan, peratusan dan min.

Keputusan menunjukkan kebolehpercayaan (*Reliability Coefficient*), nilai alpha bagi keseluruhan item yang dibina ialah 0.893. Nilai alpha yang paling tinggi terdapat pada faktor tahap minat pelajar terhadap bidang keusahawanan iaitu 0.868, diikuti oleh faktor tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan (0.773) dan faktor tahap dorongan ibu bapa (0.719). Nilai alpha yang paling rendah pula ialah pada faktor tahap persepsi terhadap bidang keusahawanan, iaitu 0.648.

Bersesuaian dengan kenyataan Suhaimi (1996), jika nilai alpha didapati kurang daripada 0.5, maka penyelidik perlu memperbaiki lagi senarai item soal selidik untuk mendapatkan kebolehpercayaannya. Berdasarkan dapatan yang diperolehi dari kajian rintis ini, semua nilai alpha bagi item faktor-faktor tersebut adalah melebihi 0.5 dan boleh diterima pakai dan mempunyai kebolehpercayaan yang baik untuk dibuat kajian sebenar.

Perbincangan

Maklumat Latar Belakang Responden

Perbincangan Bahagian A adalah meliputi latar belakang responden. Kajian soal selidik dijalankan terhadap 214 orang responden dari kalangan pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor. Responden terdiri daripada 96 orang (44.9 peratus) lelaki dan selebihnya iaitu sebanyak 118 orang (55.1 peratus) ialah perempuan.

Hasil kajian menunjukkan hanya sebanyak 98 orang responden (45.8 peratus) mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam bidang perniagaan. Manakala sebanyak 102 orang responden (47.7 peratus) telah mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan. Di samping itu, hanya sebilangan kecil sahaja iaitu sebanyak 32 orang responden (15.0 peratus) yang pernah terlibat dalam kelab atau persatuan yang berkaitan dengan perdagangan dan keusahawanan. Ini disusuli dengan penglibatan yang begitu kecil oleh responden bagi pengurusan koperasi sekolah iaitu hanya sebanyak 26 orang responden (12.1 peratus) sahaja yang pernah terlibat dalam pengurusan koperasi sekolah. Daripada 26 orang responden yang pernah melibatkan diri dengan pengurusan koperasi sekolah, sebanyak 14 orang responden (53.8 peratus) pernah terlibat dalam tempoh 1 hingga 2 tahun sahaja.

Bahagian B : Perbincangan Terhadap Persoalan Kajian

Perbincangan kajian bagi Bahagian B adalah berkaitan persoalan-persoalan kajian yang dikaji. Perbincangan adalah meliputi minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan, persepsi terhadap bidang keusahawanan, minat terhadap bidang keusahawanan, dorongan ibu bapa kepada pelajar untuk meminati bidang keusahawanan, perbandingan antara jantina berkaitan minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan, perbandingan antara jantina berkaitan persepsi terhadap bidang keusahawanan, perbandingan antara jantina berkaitan minat terhadap bidang keusahawanan, dan perbandingan antara jantina berkaitan dorongan ibu bapa kepada pelajar untuk meminati bidang keusahawanan.

Minat Terhadap Mata Pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan

Minat ialah kecenderungan individu terhadap tingkah laku alam persekitaran. Minat yang positif terhadap sesuatu bidang yang diceburi merupakan kunci kejayaan seseorang. Minat membolehkan individu berusaha sedaya mungkin terhadap sesuatu yang dihayati. Kurangnya minat akan mempengaruhi kesungguhan seseorang dan seterusnya akan merendahkan prestasi pencapaiannya dalam sesuatu bidang. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap mata pelajaran Perdagangan dan keusahawanan adalah pada tahap rendah dengan min skor 2.12.

Perkembangan dunia keusahawanan boleh diperolehi melalui pelbagai media. Maklumat-maklumat berkenaan boleh didapati sama ada menerusi media cetak seperti surat khabar, majalah, buku-buku ilmiah dan juga menerusi media elektronik seperti radio, televisyen dan juga penggunaan internet. Pihak kerajaan dan badan-badan tertentu telah banyak mengadakan pelbagai pameran dan ekspo berkaitan perdagangan dan keusahawanan. Semua ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada orang ramai terutama ibu bapa, pelajar dan juga guru-guru tentang peluang kerjaya yang boleh diperolehi dalam bidang keusahawanan. Namun usaha ini tidak akan memberikan kesan jika pihak-pihak tertentu tidak mengambil berat usaha yang murni ini.

Kenyataan di atas boleh dikaitkan dengan hasil dapatan kajian yang menunjukkan (20.6 peratus) sahaja pelajar yang sering melawat ekspo perdagangan dan keusahawanan. Begitu juga dengan penggunaan media elektronik seperti televisyen yang memaparkan rancangan berkaitan keusahawanan yang kurang

menarik minat pelajar menontonnya (28.0 peratus). Ini ditambah lagi dengan kurangnya minat pelajar untuk membeli buku rujukan berkaitan mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan (24.3 peratus). Kebiasaannya, orang yang kurang meminati sesuatu perkara tidak bersungguh-sungguh untuk mencari dan seterusnya mendapatkan maklumat mengenai bidang tersebut.

Ini bertepatan dengan hasil kajian Ismail (2003), yang menyatakan bahawa minat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti akan mendorong seseorang pelajar meneroka lebih jauh dan minat tersebut perlu ditanam di dalam diri pelajar. Kebiasaannya, semakin tinggi minat seseorang pelajar terhadap sesuatu aktiviti, mereka akan semakin bersungguh-sungguh mencari jalan dan kaedah untuk terus mengukuhkan minatnya. Begitu juga sebaliknya, apabila pelajar tidak berminat terhadap sesuatu perkara, keupayaan untuk memperolehi maklumat akan menjadi lemah dan daya usaha akan berkurangan.

Namun begitu, pelajar dilihat telah menunjukkan kesungguhan yang baik di dalam bilik darjah bagi memperolehi manfaat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan. Kesungguhan terhadap aktiviti di dalam bilik darjah ini jelas dapat dilihat pada item 2 di mana pelajar didapati merasa seronok mengikuti mata pelajaran ini (73.8 peratus). Keseronokan mengikuti mata pelajaran ini telah menyebabkan mereka sentiasa memastikan kerja rumah bagi mata pelajaran tersebut dapat dihantar sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan oleh guru mereka (69.2 peratus). Kekerapan pelajar mengajukan soalan juga dapat dilihat sebagai petanda kesungguhan minat pelajar terhadap satu-satu mata pelajaran. Ini jelas ditunjukkan pada item 1, di mana terdapat sebilangan besar (63.6 peratus) pelajar sering bertanya kepada guru mengenai tajuk-tajuk yang mereka kurang faham dalam mata pelajaran ini. Pelajarpelajar juga didapati sering melakukan perbincangan dengan rakan tentang kandungan mata pelajaran yang kurang difahami (51.4 peratus).

Pengkaji mendapati bahawa sekolah merupakan tempat awal yang paling sesuai untuk seseorang pelajar mengambil peluang bagi menyemai minat dalam bidang keusahawanan. Ini bertepatan dengan keperibadian pelajar yang menunjukkan minat yang baik sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran diadakan. Selaras dengan pendapat Humam (1988), latihan keusahawanan perlu untuk memberi pendedahan kepada pelajar semasa usia muda dalam menjamin minat yang berterusan dalam bidang yang mencabar ini.

Pendapat ini disokong oleh Khairuddin (1996), yang menyarankan kemahiran dan pengetahuan boleh didapati melalui pembacaan, penglihatan, seminar, pengamatan dan pengkajian. Apa yang penting ialah keinginan dan mempunyai sifat ingin tahu. Peluang untuk meningkatkan minat terhadap bidang ini sangat perlu dalam kalangan pelajar bumiputera. Dalam usia muda, mereka mampu untuk meningkatkan kesedaran dan perkembangan diri.

Persepsi Terhadap Bidang Keusahawanan

Persepsi merupakan pandangan mengenai sesuatu perkara, tidak kira sama ada ia positif atau negatif. Pandangan atau persepsi yang positif sudah tentu akan dapat memberikan keputusan yang baik terhadap sesuatu perkara. Begitu juga sebaliknya. Dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap bidang keusahawanan adalah pada tahap sederhana. Ini jelas dapat dilihat apabila terdapat enam daripada Sembilan item yang mempunyai peratus bersetuju melebihi 70 peratus tentang persoalan kajian ini.

Kerjaya sebagai usahawan bukan semudah yang dapat dilihat. Terlalu banyak pahit getir yang perlu dilalui bagi mencapai sesuatu kejayaan. Kebanyakan pelajar (90.7 peratus) mengakui kerjaya sebagai usahawan merupakan bidang yang mencabar namun dapat memberikan pulangan pendapatan yang lumayan (73.8 peratus).

Sifat jujur dan amanah dalam diri seseorang amat penting untuk membentuk keperibadian yang mulia. Seseorang yang sentiasa bersifat jujur dan amanah akan sentiasa dihormati. Begitu juga dengan usahawan, seseorang usahawan yang mempunyai sifat jujur dan amanah (73.8 peratus) akan sentiasa dipandang mulia oleh ahli masyarakat (54.2 peratus) serta menjadi kebanggaan masyarakat (58.9 peratus). Ini bersesuaian dengan pendapat Hailes (1993), yang menyatakan aset yang paling penting bagi seseorang usahawan ialah peribadinya yang akan dengan sendirinya menentukan kejayaan perniagaan .

Kehidupan masa kini yang terlalu sibuk biasanya menyebabkan seseorang itu kurang dapat bertemu dengan ramai orang. Namun sebagai seorang usahawan yang sentiasa berurusan dengan orang ramai, pelajar mempunyai persepsi yang tinggi (82.2 peratus) mengatakan bahawa usahawan adalah individu yang mempunyai peluang yang tinggi untuk bertemu dengan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira had masa. Ini ditambah lagi dengan pernyataan item 11 di mana pelajar beranggapan bahawa usahawan bebas melakukan perniagaan mereka mengikut masa yang mereka kehendaki tanpa perlu mempunyai waktu pejabat. Dengan melakukan kerja tanpa sebarang had masa akan membolehkan seseorang usahawan itu merebut sebarang peluang yang ada (70.1 peratus). Peluang amat penting kerana ia yang akan menentukan kejayaan seseorang usahawan. Seseorang usahawan yang sentiasa mempunyai peluang yang baik dalam perniagaannya akan mencapai kejayaan dengan lebih cepat. Peluang yang sentiasa diperolehi akan meningkatkan usaha seseorang usahawan dan akan menjadikan usahawan menjadi lebih berkeyakinan dan lebih matang. Keyakinan yang tinggi dan kematangan dalam menguruskan perniagaan akan membuatkan usahawan sentiasa di hormati (54.2 peratus) oleh ahli masyarakat.

Secara keseluruhannya, pelajar mempunyai persepsi yang baik terhadap bidang keusahawanan. Persepsi yang baik ini sekurang-kurangnya akan dapat mendorong pelajar untuk meminati bidang keusahawanan. Ini setidak-tidaknya akan dapat memenuhi aspirasi kerajaan yang menginginkan pelajar bumiputera sebagai pelapis kepada usahawan masa kini. Kerajaan juga mempunyai hasrat yang tinggi terhadap penglibatan bumiputera di dalam bidang keusahawanan ini.

Minat Terhadap Bidang Keusahawanan

Minat terhadap sesuatu kerjaya mempunyai hubung kait dengan minat terhadap sesuatu mata pelajaran yang berkaitan. Seseorang yang mempunyai minat yang tinggi terhadap bidang keusahawanan biasanya juga akan menunjukkan minat yang tinggi terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan. Hasil dapatan kajian menunjukkan perkaitan ini di mana minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan dan minat terhadap bidang keusahawanan berada pada tahap yang lemah dengan min skor sebanyak 2.12 dan 2.14 .

Minat yang rendah terhadap bidang keusahawanan ini dapat dilihat apabila pelajar didapati kurang berusaha untuk mendapatkan maklumat atau bahan bacaan bagi menambahkan ilmu pengetahuan terhadap bidang keusahawanan ini. Ini jelas dilihat daripada beberapa item yang berkaitan pencarian maklumat yang menunjukkan respon yang rendah. Pencarian maklumat penting sebagai petanda minat terhadap sesuatu perkara. Di zaman moden yang serba canggih, maklumat bukan sahaja dapat diperolehi melalui media cetak atau media elektronik. Namun, penjelajahan ke laman web telah menjadi perkara biasa. Seseorang yang mempunyai minat yang tinggi terhadap sesuatu perkara akan berusaha mendapatkan sebarang maklumat tanpa mengira jenis media yang digunakan. Mereka akan terus berusaha dan yang penting maklumat dapat diperolehi. Ini bertentangan dengan seseorang yang tidak berminat terhadap sesuatu perkara, mereka biasanya akan mencipta alasan untuk mencari maklumat. Ini jelas dapat dilihat apabila hanya sebilangan kecil (18.7 peratus) pelajar yang mengisi masa lapang mereka dengan melayari laman web untuk mendapatkan bahan bacaan tentang dunia perniagaan, begitu juga dengan bahan bacaan yang berkaitan dengan dunia perniagaan (36.4 peratus).

Pada masa sekarang, terdapat beberapa rancangan televisyen yang banyak memaparkan selok belok dan pengalaman tentang dunia perniagaan. Tujuan rancangan sebegini diadakan adalah bagi menarik minat serta menyedarkan semua orang termasuk pelajar tentang pentingnya bidang perniagaan dalam kehidupan. Namun, walau bagaimana banyak sekali pun rancangan yang disiarkan, jika ia bukan menjadi pilihan pelajar untuk menontonnya, rasa minat terhadap bidang ini akan menjadi pudar. Kenyataan ini dapat dilihat apabila hanya sebahagian kecil (34.6 peratus) sahaja pelajar yang gemar menonton rancangan televisyen yang berkaitan dengan dunia perniagaan ini.

Menurut Mohammad (2000) kesan televisyen adalah bergantung kepada jenis dan kandungan program yang ada. Remaja yang lebih cenderung terhadap aktiviti hiburan sudah pasti tidak memilih rancangan televisyen yang bercorak ilmiah kerana rancangan sedemikian biasanya akan membuatkan mereka mudah merasa bosan. Kurangnya menonton rancangan yang berkaitan dengan keusahawanan seterusnya akan memberi kurang pendedahan terhadap bidang ini. Pendapat ini disokong oleh Chu dan Schramm (1967: dalam Schramm dan Roberts, 1993), kejayaan televisyen terarah bergantung pada cara persembahannya yang mudah, penyusunan bahan-bahan yang jelas, motivasi pembelajaran, hasil daripada pengetahuan dan praktis. Kesemua ini tidak unik bagi televisyen. Jika sekiranya kandungan program televisyen memberikan pengetahuan berguna dan dipersembahkan dalam konteks pembelajaran yang seronok dan menarik, ini sudah tentu akan menarik minat pelajar untuk menontonnya.

Sikap suka bertanya biasanya lahir dari hasrat ingin tahu dengan lebih mendalam tentang sesuatu perkara. Jawapan bagi setiap pertanyaan akan memberikan maklumat yang dapat membantu menyelesaikan masalah atau persoalan yang dihadapi. Kekerapan bertanya dan kepada siapa pertanyaan diajukan juga mempunyai petanda terhadap minat dalam sesuatu bidang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bumiputera jarang bertanya kepada guru mereka tentang peluang-peluang perniagaan yang terdapat masa kini (28.0 peratus).

Bertanya kepada seseorang yang mempunyai pengalaman dalam sesuatu bidang sudah tentu akan memberikan pengetahuan yang cukup berharga yang mana tidak semua orang berjaya memperolehnya. Namun hanya segelintir sahaja (4.7 peratus) pelajar yang suka berbuat demikian. Perkara ini dapat diperkuatkan dengan pendapat Jamaludin (1984), iaitu tiada apa yang ada pada manusia dan persekitarannya apabila digunakan dengan bijak dan berasaskan pengetahuan yang ada akan memberikan minat yang mendalam dalam sesuatu untuk melakukannya. Ini bermakna pelajar yang sentiasa mempunyai rasa ingin tahu akan cuba mencari jawapan bagi persoalannya dan jawapan yang diperolehinya sudah tentu akan digunakan bagi manfaat untuk menuju kejayaan.

Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar pelajar didapati berminat untuk berniaga kecil-kecilan (seperti menjual burger atau menjual air batu atau bahan makanan lain) jika diberi peluang (62.6 peratus). Dengan melakukan perniagaan secara kecilkecilan sekurang-kurangnya pelajar akan mendapat latihan secara tidak formal tentang dunia perniagaan.

Bertitik tolak dengan pengalaman yang mereka perolehi menerusi perniagaan kecil-kecilan ini, sekurang-kurangnya akan dapat menanamkan minat mereka untuk terus menceburi bidang keusahawanan ini sebagai bidang kerjaya mereka. Bersesuaian dengan pendapat Suhaimi (1991), iaitu faktor utama minat serta kejayaan usahawan adalah pengetahuan, kebolehan dan pengalaman yang dialami dan digunakan secara berkesan.

Sementara Jaafar (1993), menyatakan seseorang perlu memperbaiki kemahiran keusahawanannya untuk memastikan minat terhadap bidang keusahawanan sentiasa berterusan terutama bila berhadapan dengan pesaing-pesaing dan cabaran-cabaran yang melanda. Kemahiran mengenai keusahawanan boleh diperolehi melalui pengalaman berniaga yang tidak dapat diajar di mana-mana institusi.

Pengetahuan mengenai dunia perniagaan terlalu banyak dan luas. Terlalu banyak kursus atau seminar yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak tertentu bagi memberikan input yang terbaik kepada usahawan. Menerusi kursus dan juga seminar, seseorang itu akan dapat sama-sama berkongsi pengalaman mahupun masalah dalam dunia perniagaan.

Segala kemudahan-kemudahan dan perkembangan terkini mengenai dunia perniagaan akan dapat diketahui di dalam kursus dan juga seminar ini. Namun, jika peluang yang diberi tidak diambil peduli, sudah tentu ini akan merugikan. Namun, pelajar-pelajar bumiputera dilihat bersedia untuk mengikuti kursus atau seminar jika mereka diberi peluang. Perkara ini sudah tentu akan dapat meningkatkan lagi pencapaian mereka jika mereka menceburi bidang perniagaan. Ini bersesuaian dengan pendapat Alan & Debora (1987), yang menyatakan jika seseorang tidak mempunyai kemahiran dalam keusahawanan, kemahiran itu boleh didapati dengan mengikuti latihan.

Menurut Ahmad Berek (1976), usahawan boleh dilahirkan melalui latihan-latihan atau rancangan-rancangan keusahawanan. Mereka diajar, dipimpin, didorong dan dibantu dengan modal dan ilmu pengurusan (rujuk Rajah 5.1). Oleh yang demikian pihak kerajaan telah merangka pelbagai program yang dapat meningkatkan kadar penyertaan orang Melayu dan Bumiputera lain dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Ini dipersetujui oleh Nor Aishah (2002), yang berpendapat program-program latihan dan keusahawanan adalah amat penting untuk melahirkan usahawan di negara ini.

Dorongan Ibu Bapa

Dorongan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat dan kesediaan pelajar untuk melakukan sesuatu. Hasil dapatan kajian menunjukkan faktor dorongan ibu bapa berada pada tahap rendah dengan min skor 2.12.

Membaca jambatan ilmu. Dengan membaca seseorang itu akan memperolehi manfaat ilmu yang tidak ternilai. Kurangnya bahan bacaan secara tidak langsung menyebabkan seseorang kurang berpengetahuan. Sikap ibu bapa yang kurang membelikan bahan bacaan yang berkaitan dengan bidang perniagaan sedikit sebanyak mempengaruhi minat pelajar untuk menceburi bidang ini. Ini dapat dilihat berdasarkan item 32, di mana hanya sebilangan kecil sahaja (17.8 peratus) ibu bapa yang membelikan bahan bacaan kepada anak-anak mereka. Yusof (1991) mengatakan bahawa kemunduran pelajaran anak-anak Melayu adalah berpunca daripada sikap dan pandangan serta falsafah hidup ibu-bapa yang tidak mementingkan pelajaran anak-anak. Ibu bapa yang sentiasa mementingkan pelajaran anak mereka akan memastikan segala keperluan pembelajaran anak mereka terutama bahan bacaan adalah mencukupi.

Pendedahan mengenai dunia perniagaan perlu dilakukan bagi memupuk minat terhadap bidang keusahawanan. Kurangnya pendedahan ini menyebabkan pelajar tidak mengetahui dengan lebih mendalam terhadap sesuatu perkara dan seterusnya inilah yang menyebabkan mereka menjadi tidak berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Ini bertepatan dengan item 33 yang menunjukkan sikap ibu bapa yang kurang membawa pelajar melawat ke ekspo perdagangan telah memberikan minat yang rendah kepada pelajar terhadap bidang ini (17.8 peratus).

Disebabkan hanya hampir separuh (45.8 peratus) sahaja ibu bapa yang terlibat dengan dunia perniagaan, maka keterlibatan dalam bidang perniagaan seperti mengajak pelajar membantu menguruskan perniagaan ibu bapa atau perniagaan orang lain didapati kurang dilakukan oleh para ibu bapa (41.1 peratus). Ini diikuti dengan kurangnya keprihatinan ibu bapa mendekati diri pelajar dengan dunia perniagaan, di mana ibu bapa (33.6 peratus) didapati jarang membawa pelajar bertemu dengan rakan seperniagaan mereka untuk berbincang mengenai dunia perniagaan telah mempengaruhi juga minat pelajar terhadap bidang ini.

Hasil kajian Sabree (2002) mendapati anak kepada usahawan mempunyai kecenderungan lebih untuk menjadi usahawan. Ini mungkin terjadi kerana faktor pendedahan semenjak dari kecil lagi. Persepsi anak tersebut tentang keusahawanan sudah tentu dipengaruhi oleh pemikiran bapanya. Pendedahan harian kepada aktiviti berniaga tentunya boleh menimbulkan minat seseorang terhadap bidang perniagaan. Pendedahan sedemikian membolehkan seseorang dapat melihat, memahami dan menghayati segalanya tentang kegiatan keusahawanan dan jatuh hati kepada bidang keusahawanan bersesuaian dengan anggapan tak kenal maka tak cinta.

Disebabkan kebanyakan ibu bapa pelajar (54.2 peratus) tidak terlibat dengan dunia perniagaan, maka penglibatan ibu bapa secara aktif dalam bidang ini tidak dapat dilihat oleh pelajar dan ini seterusnya membuatkan pelajar kurang terpengaruh untuk menceburi bidang ini (48.6 peratus). Ketidakterlibatan ibu bapa dalam bidang ini seterusnya menyebabkan mereka tidak dapat menjelaskan tentang keistimewaan bidang perniagaan kepada pelajar. Ini menyebabkan pelajar kurang pendedahan dan seterusnya kurang berminat untuk menceburi bidang ini (47.7 peratus). Pendedahan terhadap sesuatu perkara amat penting kerana pelajar akan mengetahui dengan lebih mendalam tentang bidang keusahawanan dan dapat mempertimbangkan minat mereka berdasarkan pendedahan tersebut.

Selaras dengan pernyataan Fraser (1959), sikap ibu bapa terhadap pendidikan serta galakan yang diberikan terhadap proses pembelajaran anaknya akan meningkatkan minat serta pencapaiannya di bidang pelajaran atau aktiviti mereka. Pendapat Fraser ini dipersetujui oleh Omardin (1996), dengan menyatakan peranan ibu bapa sangat penting dengan memberikan perhatian terhadap pelajaran atau aktiviti anak-anak di samping sebagai pemberi dorongan untuk berjaya. Perhatian yang dimaksudkan bukan hanya bermaksud terhadap pelajaran sahaja tetapi proses untuk mendapatkan pelajaran itu. Pendedahan terhadap sesuatu bidang adalah merupakan salah satu daripada proses pembelajaran.

Perbandingan Antara Jantina bagi Ke empat-empat Persoalan Kajian

Bidang keusahawanan lumrahnya dikaitkan dengan bidang yang lasak dan mencabar dan biasanya dimonopoli oleh kaum lelaki. Namun pendapat ini bercanggah dengan hasil kajian yang menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai persepsi yang baik terhadap bidang keusahawanan dengan min 2.77 berbanding min bagi pelajar lelaki iaitu 2.51. Ini diikuti dengan minat yang lebih tinggi terhadap bidang keusahawanan oleh pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki dengan min pelajar perempuan 2.27 berbanding min 1.99 bagi pelajar lelaki. Ini bertentangan dengan hasil dapatan kajian Zulkifli (1996) yang telah melaksanakan satu kajian terhadap pelatih IKM untuk melihat kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan. Hasil kajian beliau menunjukkan pelajar lelaki lebih cenderung untuk meminati bidang keusahawanan berbanding pelajar perempuan.

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, dapatan kajian Scherer et al (1990) yang mendapati bahawa kaum wanita selalunya mempunyai minat yang kurang terhadap kerjaya berkaitan bidang keusahawanan perlu disangkal. Hasil dapatan kajian ini disokong dengan dapatan Syaripah Kamaliah (1996), yang mendapati ciri-ciri keusahawanan pelajar perempuan secara keseluruhannya lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Ini dapat dibuktikan berdasarkan kajian oleh Norbayah (1997), yang mendapati ramai usahawan wanita yang berniaga disebabkan oleh keinginan mereka untuk menjadi ketua mengikut kesesuaian dengan aktiviti mereka di samping meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Kenyataan ini disokong oleh kajian Fatimah dalam Nor Aishah (2002), yang telah menjalankan kajian terhadap 169 usahawan wanita bumiputera di Kuala Lumpur yang merumuskan bahawa mereka berniaga kerana mengambil kesempatan terhadap pelbagai jenis peluang dan kemudahan ekonomi yang disediakan oleh kerajaan. Pendapat-pendapat di atas jelas menunjukkan kaum perempuan mempunyai minat yang tinggi terhadap bidang keusahawanan.

Dapatan kajian juga menunjukkan ibu bapa kepada pelajar perempuan memberi lebih dorongan untuk meminati bidang keusahawanan berbanding pelajar lelaki dengan min nilai 2.20 berbanding 2.02 bagi ibu bapa pelajar lelaki.

Namun begitu, tidak terdapat perbezaan yang ketara antara jantina berkaitan minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan dengan nilai min 1.99 bagi pelajar lelaki dan 2.24 bagi pelajar perempuan. Kedua-duanya, pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan minat yang hampir sama terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan.

Rumusan

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan pelajar-pelajar bumiputera di tiga buah sekolah yang dipilih iaitu SMK Taman Universiti, SMK Taman Universiti 2 dan SMK Taman Muiara Rini, Skudai, Johor memperlihatkan mereka kurang bersedia untuk menceburi bidang keusahawanan. Kurangnya kesediaan untuk menceburi bidang ini dapat dilihat apabila mereka menunjukkan sikap yang tidak bersungguh-sungguh untuk mendapatkan maklumat berkenaan bidang berkaitan, di samping kurangnya dorongan daripada ibu bapa terhadap bidang ini. Mereka dilihat memerlukan lebih bimbingan, pendedahan dan kemahiran untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan mereka.

Ini selaras dengan harapan pemimpin negara yang amat mengharapkan pelajar masa kini menjadi usahawan pelapis untuk meneruskan usaha kerajaan mejadikan Malaysia negara perindustrian yang maju. Bertepatan dengan pendapat Meyer (1992) yang menyarankan adalah sesuatu yang bijak untuk melatih atau menyediakan pelajar sekolah untuk proses keusahawanan kerana apabila mereka tamat persekolahan nanti, minat untuk memulakan perniagaan akan wujud dan seterusnya dapat memenuhi impian kerajaan menjadikan pelajar bumiputera lebih berkeyakinan untuk terus menceburi bidang ini.

Ibu bapa merupakan pendorong yang paling rapat dengan pelajar. Namun faktor dorongan ibu bapa ini dilihat kurang memberi kesan terhadap minat pelajar dalam bidang ini. Ini kemungkinan disebabkan oleh beberapa perkara seperti kurangnya keyakinan ibu bapa sendiri terhadap bidang ini, takut menghadapi risiko, kurang pengalaman tentang bidang ini, serta kurangnya pendedahan terhadap penglibatan usahawan bumiputera yang berjaya telah sedikit sebanyak mempengaruhi dorongan ibu bapa bagi menggalakkan anak mereka menceburi bidang ini.

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar bumiputera lelaki dan perempuan dari segi persepsi terhadap bidang keusahawanan, minat terhadap bidang keusahawanan dan dorongan ibu bapa. Walau bagaimanapun, minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara jantina.

Rujukan

Abd Aziz Yusuf (1998), *"Asas Keusahawanan."* Sprint Prentice Hall, Malaysia Ahmad Berek (197). *"Melahirkan Usahawan Bumiputera: Merdeka Pulihkan Semangat Usahawan."* Pusat Daya Pengeluaran Negara

Ahmad Mahzan Ayob (1991). *"Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, Suatu Pengenalan."* Kuala Lumpur> Dewan Bahasa dan Pustaka

Ashmore, C.M (1989). *"The Power Of Entrepreneurial Vision."* Vocational Educational Education Journal. 6(8). 28-29.

- Ashmore (1997), dalam Dr. Widad Othman “*Nota Kuliah Perdagangan dan Keusahawanan(2002).*” Universiti Teknologi Malaysia Skudai:
- Aziz Muda (1995). :*Punca Bumiputera Gagal Berniaga.*” Dalam Usahawan Malaysia: Januari ms 54-56
- Barjoyai Bardai dan Mohd Fairus Md Salleh (1998), “*Peluang Perniagaan.*” Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Baumbach, C.M (1986). “*Entrepreneurship And Management.*” Prentice Hall, New York: Eaglewood Cliffs N.J
- Best,J.W dan Kahn,J.V (1998). “*Research In Education.*” 8th ed. M.A: Allyn and Bacon.
- Chamhuri Siwar, Mohd Yusof Kasim, Abd. Malik Ismail (1992). “*Ekonomi Bumiputera Selepas 1990.*” Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Cohen, W.A. (1983). “*Entrepreneur and Small Problem Solver.*” New York: John Wiley and Sons Inc.
- Chong, Pei Yee (2000). “*Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Cina di Bandar Sandakan, Sabah.*” UTM: Tesis Sarjana Muda